

Headline	Pokok getah tertua RM3.8 juta		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	07 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	810 cm²
Journalist	SYAMILAH ZULKIFLI	AdValue	RM 5,674
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,022

Pokok getah tertua RM3.8 juta

Dipercuryai satu daripada 22 anak benih dibawa dari England pada 1877

SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Berdasarkan tulisan sejarah, pokok getah pertama yang ditanam pada tahun 1877 di negara ini yang masih hidup terdapat di Kuala Kangsar, Perak.

Tapi di Seremban, Negeri Sembilan pun terdapat pokok getah hasil anak benih sama yang masih kekal hidup di Jalan Keliling, berhadapan dengan kediaman rasmi Menteri Besar Negeri Sembilan dan berdekatan dengan Galeri Diraja Tuanku Jaafar.

Ketua Unit Pelancongan Komuniti dan Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Shamaruddin Saidin berkata, kehadiran pokok getah berkenaan disedari oleh kakitangannya tiga tahun



POKOK GETAH TERTUA



Papan tanda menceritakan sejarah pokok getah pertama di Negeri Sembilan.



Pokok getah tertua di Negeri Sembilan bernilai RM3.8 juta.



Pokok getah yang mempunyai lilitan batang sepanjang 3.5m dan ketinggian 25m ini berusia 120 tahun.

lalu dan kini dijadikan sebagai produk pelancongan warisan di daerah ini.

Menurutnya, berdasarkan kajian pokok getah berkenaan dipercuryai merupakan satu daripada 22 anak benih yang dibawa dari Kew Gardens, England pada 1877.

"Sebanyak 11 anak benih pokok getah itu disemai di Botanic Gardens, Singapura dan selebihnya dibawa ke Malaya yang mana sembilan pokok ditanam di Kuala Kangsar dan satu di Negeri Sembilan dan Melaka.

"Kalau tengok dari segi saiznya kita percau pokok ini merupakan anak benih yang dibawa ke sini lebih-lebih lagi pokok ini ditanam di depan bekas tapak kediaman rasmi Residen British di Negeri Sembilan," katanya.

Beliau berkata, British membuka ladang getah pertama di Negeri Sembilan di Estet Linsum, Rantau selepas yakin melihat keupayaan, kesesuaian serta tumbesaran yang sempurna pokok getah berkenaan.

Katanya, ia telah dibuka oleh Bapa Perusahaan Getah Asli di Malaya iaitu Thomas H Hill dengan keluasan 1,600 ekar pada 1883.

"Negeri Sembilan merupakan satu daripada tiga Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak dan Selangor yang tanaman getahnya berkembang pantsas."

"Menjelang 1920, Malaya sudah

pun mengeluarkan lebih separuh daripada getah dunia dan getah masih merupakan tanaman penting di rantaunya sehingga sekarang," katanya.

Berusia 120 tahun

Hasil penilaian pokok getah yang mempunyai lilitan batang sepanjang 3.5 meter (m) dan ketinggian 25 meter itu berusia 120 tahun.

Apa yang lebih menarik, penilaian mengikut piawaian kualiti fizikal dan sosial antarabangsa menunjukkan ia bernilai RM3.8 juta.



Pokok getah ini kini dipagari bagi mengelakkan ia dirosakkan.



Serpihan biji getah yang ditemui.

"Kita telah merujuk kepada pakar di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi mendapatkan data sahih," katanya.

Disebabkan bernalinya khazanah itu, MPS telah memagar kawasan itu tahun lalu bagi mengelakkan orang ramai merosakannya.

"Bagi kami tinggalan sejarah ini perlu dipelihara dan rasanya bukan saja orang luar, tapi orang Negeri Sembilan pun masih ramai yang tak sedar kehadiran pokok getah ini."

"Selama ini kita dengan pokok getah tertua yang masih hidup ada di Kuala Kangsar, tapi di Negeri Sembilan pun ada. Sebab itu kita turut letak beberapa papan tanda bagi memberi informasi kepada pengunjung mengenai sejarah pokok ini," katanya.

Shamaruddin berkata, pokok getah yang berada di Negeri Sembilan terletak di tepi jalan besar, tetapi di Negeri Sembilan ia terletak di kawasan rekreasi yang luas dan tidak terganggu dengan arus pembangunan.

Menurutnya, bagi memastikan pokok itu kekal hidup, MPS juga sentiasa menyembur racun anai-anai dan menjaga kebersihan di kawasan sekitar.